



UNIT BAHASA MELAYU

MOTHER TONGUE DEPARTMENT

ABOUT

Misi Unit Bahasa Melayu di GESS adalah untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran Bahasa Melayu yang menarik melalui kurikulum yang berkualiti sekaligus memupuk minat yang mendalam terhadap Bahasa dan Budaya Melayu dalam kalangan pelajar. Kami berpegang teguh pada matlamat untuk mendidik para pelajar agar menjadi pengguna Bahasa Melayu yang berkeyakinan serta membentuk jati diri generasi muda kita.

SIGNATURE PROGRAMMES



Sec 1s ML Learning Journey to Chinatown

LAWATAN SAMBIL BELAJAR BAHASA MELAYU

Di akhir setiap tahun, Unit Bahasa Melayu di GESS menganjurkan program lawatan sambil belajar bagi para pelajar menengah bawah. Pakej pembelajaran bagi program tersebut dihasilkan khas oleh guru-guru Bahasa Melayu di GESS. Program tersebut bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang autentik dan menarik untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu tetapi juga memupuk sikap bekerjasama dalam kalangan pelajar.




Aroozoo Reads cum Hari Raya Aidilfitri Celebration



Students getting immersed in the Malay Culture while eating Nasi Ambeng during MTL Fortnight

DWIMINGGU BAHASA IBUNDA

Dwiminggu Bahasa Ibunda diadakan setiap tahun di GESS dalam bulan Januari hingga Februari. Pelbagai program dan aktiviti disediakan untuk memberi peluang kepada para pelajar mempelajari Bahasa Melayu dan menghayati Budaya Melayu melalui penglibatan secara aktif.




Our participating group for the Zoombara competition organised by NTUMLCS.



Lesson on learning adjectives based on VARK

PAKEJ PELAJARAN BERDASARKAN PEDAGOGI KHUSUS

Unit Bahasa Melayu GESS sering memperkenalkan pelbagai pakej pelajaran berdasarkan pedagogi khusus seperti penggunaan Making Thinking Visible dan Paul's Wheel of Reasoning dalam pembelajaran. Pendekatan yang pelbagai ini diterapkan berdasarkan keperluan para pelajar. Ia dijalankan dalam bentuk kajian pembelajaran agar para guru dapat memperbaiki setiap pakej pelajaran dari masa ke masa.



One of the groups during BH Journalism Camp who won the Best Video Award.



One of our Rakan Bahasa 2017 sharing with the public on the Malay origin.

MENGASAH BAKAT MELALUI PROGRAM RAKAN BAHASA

Setiap tahun, dua orang pelajar dilantik sebagai Rakan Bahasa oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura. Kemahiran pelajar diasah melalui pelbagai program latihan supaya mereka dapat menimba pengetahuan tentang Budaya Melayu dan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dengan berkeyakinan. Mereka juga terlibat secara aktif dalam majlis pelancaran Bulan Bahasa di mana mereka diberi peluang yang autentik untuk berinteraksi dan berkongsi dengan orang awam.



Prize Giving Ceremony for Top 30 for Pena Emasku